

RM5 juta atasi banjir

Naik taraf sungai, saliran Sungai Rajah, Pekan Lama

NORAFIZA JAAFAR

RAWANG - Peruntukan RM5 juta disalurkan Kerajaan Negeri untuk kerja naik taraf sungai dan sistem saliran di Sungai Rajah dan Pekan Lama di sini.

Jurutera Daerah, Ir Mohd Fuad Buang berkata, kerja naik taraf di dua kawasan berkenaan akan melibatkan dua fasa.

Menurutnya, fasa pertama siap Mei lalu kini bakal memasuki fasa-kedua yang dijangka akan dimulakan menjelang April.

"Fasa kedua melibatkan kerja naik taraf sistem saliran di Pekan Lama Rawang meliputi Jalan Maxwell dengan kos dianggarkan RM2 juta.

"Keseluruhan cadangan pelan projek itu dijangka akan siap hujung bulan ini sebelum melalui peringkat tender terbuka dan pelaksanaan," katanya kepada Sinar Harian sewaktu melawat tapak projek bersama Adun Rawang, Gan Pei Nei.

Katanya, fokus utama pelaksanaan adalah untuk sambungan saliran ke Sungai Rajah sebagai mengatasi masalah kekerapan banjir.

"Fasa pertama menaik ta-



Pei Nei dan Mohd Fuad berbincang punca berlakunya banjir kilat di Pekan Lama.

raf Sungai Rajah dilihat banyak membantu mengurangkan banjir dan dijangka sambungan fasa kedua akan melancarkan aliran air.

"RM3 juta diperuntukkan untuk fasa pertama dengan

melebarkan sungai menjadi lapan meter dan kedalaman adalah tiga meter serta pemasangan konkrit," katanya.

Sementara itu, Pei Nei berkata, dua projek itu adalah di bawah Program Tempatan

Bandar Rawang yang kerap mengalami masalah banjir.

"Antara yang terburuk adalah 2010 iaitu paras air naik sehingga satu meter di Pekan Lama Rawang menyebabkan kerajaan negeri bersetuju mengeluarkan peruntukan itu.

"Naik taraf itu dilihat membantu mengatasi masalah banjir dan dijangka menyelesaikan isu melainkan berlaku taburan hujan melampau," katanya.

Projek itu juga katanya dijangka mengambil masa setahun untuk siap.

Dalam projek berasingan katanya, Kerajaan Negeri turut peruntuk RM2 juta untuk sistem perparitan di Taman Garing yang kini dalam proses perbincangan mendapatkan persetujuan pemilik persendirian.

"Projek juga meliputi sistem aliran keluar saliran ke sungai dan pengambilan alihan tanah seorang penduduk diperlukan untuk tujuan itu.

"Selepas kesemua projek selesai, kita akan menjalankan kempen pelihara sungai dengan memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk menjaga sungai dan mengelak pencemaran dilakukan," katanya.